



PERUTUSAN PENGERUSI

(MESYUARAT JKTNg Bil. 1/2012 PADA 26 JANUARI 2012)

1. KAJIAN SEMULA SKIM SARAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM

- [a] Saya ingin memaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri melalui kenyataan media pada 12 Januari 2012 memaklumkan bahawa, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya pelaksanaan Skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) disemak semula bagi menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu berkaitan pelaksanaan SBPA. Setelah semakan semula tersebut dimuktamadkan, SBPA akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012 seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan.
- [b] Selaras dengan kenyataan tersebut, Ybhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah memaklumkan satu Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan untuk melaksanakan semakan semula SBPA dengan mengambil kira prinsip-prinsip perkhidmatan dan saraan perkhidmatan awam.

[c] Sehubungan itu, semua ketua jabatan dipohon agar mewar-warkan kepada semua kakitangan di jabatan masing-masing serta menasihati kakitangan agar tidak mengeluarkan atau membangkitkan isu-isu negatif berkenaan pelaksanaan SBPA yang akan menjejaskan reputasi Kerajaan. Pada masa yang sama, kakitangan di setiap jabatan boleh mengemukakan isu atau input yang membina bagi memantapkan pelaksanaan SBPA sehingga 15 Februari 2012 kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

2. PEMANTAUAN PROJEK DI PERINGKAT JABATAN DAN DAERAH

[a] Walau pun perkara ini dilaksanakan, saya ingin mengingatkan semula kepada semua ketua jabatan bahawa pemantauan projek hendaklah dilaksanakan di peringkat jabatan (Negeri) dan daerah serta membentangkan prestasi projek di mesyuarat di peringkat jabatan dan daerah termasuk walaupun projek-projek yang dilaksanakan terus di peringkat Kementerian. Pemantauan hendaklah di tumpukan kepada perkara-perkara berikut seperti;

- [i] prestasi perbelanjaan dan fizikal projek RMK-10;
- [ii] projek yang berstatus Lewat Jadual perlu dibentang dan dibincangkan dengan terperinci

agar dapat diselesaikan permasalahan yang dihadapi; dan

- [iii] mana-mana isu yang tidak dapat diselesaikan di peringkat jabatan/ daerah hendaklah dilaporkan segera kepada Pegawai Kemajuan Negeri untuk dibuat intervensi dan juga dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri (JKTNg).

Tindakan ini akan membolehkan maklumat-maklumat projek dapat di kemaskini.

- [b] Selaras dengan ini, semua Pegawai Daerah perlu mengadakan mesyuarat berkaitan dengan pemantauan projek bagi projek-projek Kerajaan terutamanya projek RMK-10 di daerah masing-masing dengan menjadikan pembentangan status projek RMK-10 sebagai agenda tetap di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD).
- [c] Bagi agensi pelaksana projek RMK-10, pemantauan yang rapi hendaklah sentiasa dijalankan. Ketua jabatan berkenaan hendaklah memastikan Pegawai Penguasa Projek sentiasa mengadakan mesyuarat tapak secara berkala. Agensi pelaksana hendaklah memastikan kelewatan pelaksanaan projek tidak disebabkan oleh

karenah jabatan seperti pemantauan yang lemah, kegagalan pegawai menyelesaikan isu dan masalah, selalu berlaku perubahan skop, perubahan lukisan dan terdapat perubahan syarat atau syarat tambahan jabatan/ agensi Kerajaan.

3. PELAKSANAAN PROJEK PIA/ PIAS TAHUN 2011

- [a] Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua Pegawai Daerah dan juga kepada Pengarah Kerja Raya Negeri Pahang di atas kejayaan menyiapkan semua projek yang diluluskan bagi program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) Tahun 2011 di Negeri Pahang.

- [b] Prestasi perbelanjaan bagi program PIA/ PIAS Negeri Pahang adalah 99.2%. Kita berbangga kerana semua projek dapat disiapkan dalam tahun semasa dan tiada AP58 selepas tempoh Akaun Kena Bayar berakhir pada awal Januari 2012 yang lepas. Saya berharap prestasi yang dikategori sebagai cemerlang ini dikekalkan.

- [c] Untuk tahun 2012, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) telah meluluskan siling peruntukan sebanyak RM40 juta. Pihak Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang telah

mengagihkan siling peruntukan mengikut kawasan DUN di Negeri Pahang dengan mengambil kira pendapat dan pandangan daripada pemimpin tempatan termasuklah YB Ahli Parlimen, YB ADUN dan juga pemimpin tempatan yang lain. Senarai cadangan projek telah diterima oleh SDO Pahang dan sedang diproses untuk kelulusan ICU JPM. Perolehan akan dilaksanakan dalam masa terdekat dan semua agensi pelaksana dipohon bersedia dengan spesifikasi kerja berkaitan bagi memudahkan pelaksanaan projek berkenaan.

4. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- [a] Saya ingin mengingatkan semua ketua jabatan berkenaan pelaksanaan *Integrity Pact* di dalam perolehan Kerajaan. *Integrity Pact* adalah proses pengisytiharan oleh pembida/ orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak dan mempercepatkan sesuatu urusan Perolehan Kerajaan. Seterusnya, pembida/ orang awam dan pegawai Kerajaan akan menandatangani satu '*pact*' atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan sesuatu kontrak serta menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran '*pact*' atau kontrak. Pelaksanaan *Integrity Pact* ini juga

bertujuan untuk mengukuhkan usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan di dalam perolehan Kerajaan yang dijangka dapat mengurangkan seterusnya membasmi gejala rasuah.

[b] Pelaksanaan *Integrity Pact* ini dapat meningkatkan kecekapan Agensi Kerajaan yang mana melibatkan penjawat awam yang terlibat dalam perolehan Kerajaan, ahli jawatankuasa berkaitan perolehan, Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan, pembida dan perunding. Sehubungan dengan itu, saya berharap semua ketua jabatan sentiasa melaksanakan dan mengamalkan pelaksanaan *Integrity Pact* agar kredibiliti Kerajaan dapat dipelihara.

[c] Garis panduan pelaksanaan *Integrity Pact* ini dijelaskan secara terperinci di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 10 Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010 yang sekaligus membatalkan Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 1 April 2010.

5. LAPORAN PEMBAYARAN BIL KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI BULAN DISEMBER 2011

[a] Saya ingin memaklumkan berkenaan Prestasi Pembayaran Bil Kerajaan Negeri Pahang pada bulan Disember 2011

yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari adalah 99.56% manakala 0.44% dibayar melebihi 14 hari.

[b] Jabatan berkenaan di mana bil-bil yang dibayar melebihi tempoh 14 hari ialah;

- | | | |
|------|----------------------------------|----------|
| i) | Pejabat KDYMM Sultan Pahang | – 20 bil |
| ii) | Jabatan Agama Islam Pahang | - 18 bil |
| iii) | Jabatan Bekalan Air Pahang | - 17 bil |
| iv) | Jabatan Perhutanan Negeri Pahang | - 3 bil |
| v) | Pejabat Daerah Dan Tanah Bera | - 3 bil |